

**KEUPAYAAN MENGUASAI KEMAHIRAN MENULIS MENGGUNAKAN PENSEL
BESAR BERBENTUK SEGI TIGA**

***ABILITY TO MASTER WRITING SKILLS USING LARGE TRIANGULAR-SHAPED
PENCILS***

**Noraina Maliha binti Ismail
Andi Nur Nabilah Syafiqah Bacho
Annur Khalisah binti Mohamed Raffee**
Fakulti Bahasa dan Pendidikan,
Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: noraina@unimel.edu.my

Article history:

Received : 25 October 2023
Accepted : 31 October 2023
Published : 31 December 2023

ABSTRAK

Abstract

Kecekapan menulis semasa belajar adalah penting untuk setiap murid, kerana kegalalannya boleh membawa kesan negatif kepada keyakinan diri dan pencapaian akademik. Pensel merupakan sejenis alat tulis berupa kayu kecil berbentuk bulat berisi arang keras. Isi pensel dibuat dari grafit. Grafit merupakan mineral karbon berwarna hitam mengkilap. Kajian ini dijalankan adalah untuk membantu meningkatkan penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak 5 dan 6 tahun menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga. Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat adakah kegunaan pensel besar berbentuk segi tiga dapat mengatasi masalah genggaman pensel sebenar sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada 5 orang kanak-kanak dari Tabika Sinar Suria (bukan nama sebenar). Kajian dijalankan selama 8 minggu hari persekolahan. Kelima-lima sampel kajian mempunyai masalah dalam menulis dan menyalin semula huruf atau perkataan. Data dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian; pengumpulan bukti dokumentari; penggunaan rakaman fotograf; serta catatan dan nota lapangan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan senarai semak, triangulasi sumber dan kaedah untuk penyemakan data bagi memastikan kesahihan data. Dengan menggunakan gelung kajian tindakan Kemmis & Mc Tagart (1988), pada kitaran pertama menunjukkan bahawa 3 orang sampel kajian dapat meningkatkan kemahiran penulisan mereka pada kitaran pertama. Manakala 2 orang sampel kajian dapat meningkatkan kemahiran menulis mereka setelah proses intervensi kitaran kedua dilakukan terhadap mereka. Daripada data yang dianalisis dan hasil

lembaran kerja sampel kajian setelah kedua-dua kitaran dilakukan menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh sampel kajian dapat dikurangkan dan penulisan tanpa garis putus-putus dapat dipertingkatkan dengan menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga. Selain itu, dengan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga juga dapat melatih sampel untuk menggenggam pensel dengan cara yang betul apabila menggunakan pensel sebenar yang kecil berbentuk bulat.

*Kata kunci: kemahiran menulis kanak-kanak pra sekolah, kemahiran menggenggam pensel,
Pendidikan prasekolah*

ABILITY TO MASTER WRITING SKILLS USING LARGE TRIANGULAR-SHAPED PENCILS

ABSTRACT

Writing proficiency during learning process is crucial for every student, as failure can have a negative impact on self-confidence and academic achievement. Pencil is a writing instrument made of small cylindrical wooden stick filled with hard charcoal. The pencil core is made of graphite. Graphite is a shiny black carbon mineral. This study was conducted to help improve the writing skills of 5- and 6-year-old children using large triangular-shaped pencils. Besides that, this study aimed to determine if the use of large triangular-shaped pencils can address the pencil grip issues of the samples. The samples consist of 5 children from Tabika Sinar Suria (not their real name). The study was conducted over 8 weeks of the school day. All 5 samples had difficulties in writing and copying letters or words. Data was collected through observation methods, the collection of documentary evidence, the use of photographic records, as well as field notes and records. The obtained data were analyzed using checklists, source triangulation and data validation methods to ensure data accuracy. Using the action research loop of Kemmis & McTaggart (1988), the first cycle indicated that 3 samples were able to improve their writing skills after the first cycle. Meanwhile, 2 samples improved their writing skills after the second intervention cycle was conducted. The data analysis and the results of the samples' worksheets after both cycles showed that the issues faced by the samples could be reduced and writing without dotted lines could be improved using large triangular-shaped pencils. Furthermore, the use of large triangular-shaped pencils also trained the samples to hold a pencil correctly when using a small round-shaped pencil.

Keywords: preschool children's writing skills, pencil grip skills, preschool education

PENGENALAN

Pengajaran penulisan merupakan satu keadaan yang berstruktur dimana kanak-kanak dibimbing menerusi langkah-langkah penulisan yang betul. (Olness, 2005). Guru mempunyai tugas yang kompleks dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyediakan peluang-peluang penerokaan semasa pembelajaran penulisan. (Mack, 2012). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan penguasaan kemahiran menulis didalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2016 dibawah tunjang komunikasi yang harus dipelajari dan dicapai oleh kanak-kanak prasekolah. Dimana didalam standard kandungan (SK) 3.1 kanak-kanak haruslah boleh menguasai kemahiran pratulis seperti memegang alat tulis dengan cara yang betul; duduk dengan posisi yang betul semasa menulis; membuat contengan dan lakaran menggunakan pelbagai alat tulis; mengkoordinasi pergerakan mata dengan tangan melalui lakaran bentuk, corak dan garisan secara bebas; dan mengkoordinasi pergerakan mata dengan tangan mengikut arah yang betul. Manakala didalam SK 3.2 pula, kanak-kanak haruslah boleh menguasai kemahiran menulis seperti menulis huruf kecil dengan cara yang betul; menulis huruf besar dengan cara yang betul; menyalin perkataan; menyalin frasa; menyalin ayat mudah; meluahkan idea dalam bentuk lukisan, simbol dan tulisan; menulis perkataan dan frasa; serta menulis ayat mudah. (Bahagian pembangunan kurikulum kementerian pendidikan Malaysia, 2016).

Kanak-kanak yang mempunyai masalah menulis akan menunjukkan skor genggaman pensel yang rendah berbanding dengan kanak-kanak yang tidak mempunyai masalah menulis. (Schneck, 1991; Schneck & Henderson, 1990). Kajian yang dijalankan oleh Rosenblum, Goldstand & Parush (2006) menunjukkan perbezaan yang signifikan diantara penulis mahir dengan penulis tidak mahir dalam semua faktor ergonomik adalah termasuk genggaman pensel. Dimana kajian ini disokong oleh Abdul Rasid (2011), yang menyatakan masalah ketidakcekapan koordinasi mata dengan tangan semasa menulis adalah disebabkan oleh ketidakupayaan kanak-kanak memegang pensel dengan betul. Akibatnya kanak-kanak tidak dapat menulis. Penggunaan alat bantuan teknologi sebagai strategi intervensi kerana genggaman yang tidak berfungsi boleh dibangunkan dengan penggunaan alat adaptif seperti alat pemegang getah spesifik atau pensel segi tiga. (McMurry, Drysdale & Jordan, 2009). Alat-alat bantuan dalam pasaran seperti pensel berbentuk segi tiga ini bertujuan untuk

membangunkan genggaman tripod semasa menulis. (Watkins & Noble, 2011). Bertitik tolak dari hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap pencapaian kemahiran menulis didalam KSPK bagi kanak-kanak 5 dan 6 tahun, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji sampel kajian yang masih belum boleh menguasai kemahiran menulis dengan baik seperti yang telah ditetapkan didalam KSPK dan apakah dengan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga dapat meningkatkan kemahiran menulis kelima-lima sampel kajian.

SOROTAN LITARATUR

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat diperlukan oleh kanak-kanak prasekolah sama seperti kemahiran membaca dan mengenal huruf. (Siti Iwaana Sharizah Abu Samah, Rohaty Mohd Majzub & Zamri Mahamod, 2014). Secara umumnya kemahiran menulis pada peringkat prasekolah merupakan kemahiran asas dalam tunjang komunikasi yang akan diajarkan sehingga kanak-kanak melangkah ke sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun enam. (Catharina Andreas, 2013). Penulisan adalah satu proses yang kompleks kepada kanak-kanak dan mereka perlukan bimbingan orang dewasa untuk menyokong pemerolehan penulisan. (Vygotsky, 1978; Mccarrier, Pinnell, & Fountas, 2000). Penguasaan menulis amat penting kerana ia bukan hanya dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak tetapi ia juga berperanan membantu membina kesedaran literasi kanak-kanak prasekolah. (Clay, 1991; Mahzan, 2012). Penulisan juga memerlukan pelbagai jenis kemahiran dan penyelaras yang sama seperti yang diperlukan oleh kemahiran membaca. (Ferreiro & Teberosky, 1982; Dyson & Freedman, 1991). Tambahan pula, Abdul Rasid (2011) berpendapat pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran menulis dan membaca dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam bahasa melayu dan mata pelajaran yang lain. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Anis Norma Mohammad Jaafar et al. (2022) menyatakan bahawa tahap perkembangan kemahiran motor halus yang rendah merupakan salah satu faktor utama masalah kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Dengan ini jelaslah bahawa peningkatan kemahiran menulis kanak-kanak bergantung kepada pelbagai jenis kemahiran lain seperti kemahiran motor halus mereka.

Terdapat pelbagai kajian lepas yang telah dilaksanakan bagi membantu kanak-kanak menulis dengan baik dan kemas. Antaranya adalah kajian yang dilakukan Christy Serini Anak Awang (2012) yang mengetengahkan jenis-jenis dan peringkat genggaman pensel yang mempengaruhi kekemasan tulisan kanak-kanak prasekolah. Dimana hasil daripada kajian

tersebut menunjukkan bahawa cara memegang pensel yang betul dapat mempengaruhi dan membantu mengemaskan tulisan. Manakala didalam kajian yang dilakukan oleh Nourlieda binti Abdullah (2012) menyatakan bahawa kaedah gosokan, origami, doh dan guntingan mampu meningkatkan kemahiran motor halus dan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah dengan cantik dan kemas. Daripada kedua-dua kajian lepas yang dilakukan oleh mereka, jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Selain itu juga kajian yang dijalankan oleh Anis Norma Mohammad Jaafar et al. (2022) mendapati bahawa selepas menerima rawatan intervensi dengan penggunaan ‘MY FIMOKI’ tahap penulisan kanak-kanak prasekolah Daerah Batang Padang meningkat.

Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa penulisan memerlukan penglibatan interaksi antara guru dan kanak-kanak seperti yang dinyatakan oleh Vygotsky, 1978; Mccarrier, Pinnell, & Fountas, (2000). Dimana guru perlu memahami aspek perkembangan kanak-kanak dengan lebih mendalam dan menyediakan strategi atau amalan pengajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan dan keperluan kanak-kanak seperti yang dinyatakan oleh Siti Iwaana Sharizah Abu Samah, Rohaty Mohd Majzub & Zamri Mahamod (2014) didalam kajiannya. Selain itu, didalam hasil kajiannya juga mendapati guru perlu menyediakan aktiviti yang menyeronokan dan menyediakan pengalaman bermakna kepada kanak-kanak agar dapat meningkatkan kemahiran menulis mereka dengan lebih baik. Tambahan pula implikasi kajian yang dilakukan oleh Anis Norma Mohammad Jaafar et al. (2022) mendapati penggunaan kit permainan motor halus dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah dalam menguasai kemahiran menulis.

Dengan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh mereka ini jelas menunjukkan terdapat pelbagai faktor dan kaedah yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk menggunakan pensel dan pensel warna besar berbentuk segi tiga sebagai bahan yang digunakan untuk melatih kanak-kanak memegang pensel dengan cara yang betul; dan menulis dengan kemas dan cantik. Selain itu pengkaji juga menggunakan pelbagai jenis lembaran kerja seperti lembaran kerja yang mempunyai garis putus-putus; menulis pada buku garis tiga; mewarna gambar; melengkapkan gambar serta menulis huruf dan juga nombor; menggunting, melipat dan menampal kertas bagi menyediakan aktiviti yang pelbagai agar dapat menarik minat dan menyeronokkan sampel kajian.

Tambahan pula berdasarkan kajian-kajian lepas didalam negara, kajian berkaitan dengan kemahiran menulis adalah amat terhad. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada masalah membaca, kognitif, sosio-emosi dan kesediaan murid ke prasekolah. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat kajian untuk meningkatkan keupayaan menguasai kemahiran menulis menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga perlu dijalankan kerana kemahiran menulis sama pentingnya dengan kemahiran membaca seperti yang telah ditekankan dalam KSPK.

OBEJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan secara umumnya untuk meningkatkan keupayaan kemahiran menulis kanak-kanak 5 dan 6 tahun dengan menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga. Manakala objektif khususnya pula adalah untuk memastikan kelima-lima sampel kajian dapat meningkatkan keupayaan menulis mereka, kelima-lima sampel kajian dapat memegang pensel sebenar dengan cara yang betul dan kelima-lima sampel kajian menulis dengan cantik dan kemas menggunakan pensel sebenar.

METODOLOGI KAJIAN


Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi kualitatif untuk mengumpul dan menganalisa data yang di peroleh. Metodologi kualitatif ini adalah merujuk kepada kaedah yang berbentuk naratif bagi menerangkan data yang diperolehi daripada lima orang kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun di Tabika Sinar Suria (bukan nama sebenar). Kajian yang dijalankan ini berteraskan kepada gelung kajian tindakan Kemmis & Mc Tagart (1988) yang mencadangkan empat langkah kajian iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi. Pada mulanya pengkaji membuat perancangan yang rapi untuk memulakan kajian tindakan ini. Kemudian pengkaji bertindak mengikut perancangan dan memerhatikan setiap tindak balas sampel kajian untuk pengumpulan data yang dikehendaki. Data dikumpulkan dan dianalisis melalui kaedah pemerhatian, analisis lembaran kerja, nota lapangan dan senarai semak. Kemudian pengkaji menggunakan triangulasi sumber dan kaedah untuk penyemakan data untuk memastikan kesahihan data. Setelah data diperolehi dapatkan kesahihannya, pengkaji membuat refleksi terhadap kajian tindakan yang telah dijalankan.

DAPATAN KAJIAN


Adakah penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga boleh meningkatkan keupayaan menulis kelima-lima sampel kajian?

Melalui data yang dikumpulkan seperti hasil pengumpulan bukti dokumentari; pemerhatian; pengumpulan foto; nota dan catatan lapangan; senarai semak dan triangulasi data yang dilakukan oleh pengkaji dan rakan sekerja pengkaji mendapati bahawa dengan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga ia dapat meningkatkan keupayaan menulis kelima-lima sampel kajian. Dimana 3 sampel kajian iaitu sampel 2, 3 dan 4 telah berjaya meningkatkan kemahiran menulis mereka pada proses intervensi kitaran pertama manakala 2 lagi sampel kajian iaitu sampel kajian 1 dan 5 telah berjaya mengembangkan kemahiran menulis mereka setelah proses intervensi kitaran kedua dilakukan seperti yang dianjurkan didalam model kitaran kajian tindakan Kemmis Mc Taggart (2000). Hasil dapatan ini dapat dilihat didalam carta bar yang telah disediakan oleh pengkaji seperti rajah 1 dan 2 dibawah. Hasil yang diperolehi ini dapat disokong lagi dengan kajian lepas yang telah dilakukan oleh Watkins & Noble (2011) yang menunjukkan bahawa alatalat bantuan dalam pasaran seperti pensel berbentuk segi tiga ini dapat membangunkan perkembangan genggaman tripod kanak-kanak semasa menulis. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Kamaruddin, N. I., Mohammad Jaafar, A. N., & Omar, R. (2022) yang menemukan bahawa penggunaan bahan bantu seperti lagu, pasir dan slime dapat meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak.

Rajah 1: Peningkatan keupayaan kemahiran menulis sampel kajian sebelum dan selepas proses intervensi kitaran pertama dijalankan




Rajah 2: Peningkatan keupayaan kemahiran menulis sampel kajian selepas proses intervensi kitaran kedua dijalankan




Apakah dengan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga dapat membantu kelima-lima sampel kajian memegang pensel sebenar dengan cara yang betul?

Setelah menjalankan proses intervensi menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga, pengkaji mendapati bahawa pensel besar berbentuk segi tiga dapat membantu kelima-lima sampel kajian memegang pensel sebenar dengan cara yang betul. Ini kerana dengan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga memudahkan sampel kajian memegang atau meletakkan jari mereka mengikut segi yang terdapat pada pensel berkenaan. Dimana secara tidak langsung, kelima-lima sampel kajian dapat mempraktikkan dan melatih cara genggaman pensel yang betul menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga. Seterusnya dapat membantu mereka memegang pensel sebenar dengan cara yang betul dan menulis dengan baik menggunakan pensel sebenar dalam pelbagai jenis lembaran kerja dan buku garis tiga. Hasil dapatan ini dapat dilihat melalui data yang telah dikumpulkan dan diinterpretasikan didalam carta bar yang disediakan oleh pengkaji didalam rajah 3 dan 4. Hasil dapatan ini disokong dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh McMurry, Drysdale & Jordan (2009) yang menyatakan dengan menggunakan alat bantuan teknologi seperti alat pemegang getah spesifik atau pensel segi tiga sebagai strategi intervensi akan meningkatkan cara genggaman pensel yang betul. Selain itu, Watkins & Noble (2011) juga menyatakan alat-alat bantuan dalam pasaran seperti pensel besar berbentuk segi tiga boleh membangunkan genggaman tripod semasa menulis.

Rajah 3 : Kemahiran Menulis Sampel Kajian Setelah Proses Intervensi Kitaran Pertama Dijalankan



Rajah 4 : Kemahiran Menulis dan Motor Halus Sampel Kajian Setelah Proses Intervensi Kitaran Kedua Dijalankan



Adakah genggaman pensel yang betul dapat membantu kelima-lima sampel kajian menulis dengan cantik dan kemas?

Berdasarkan daripada hasil dapatan kajian yang telah dijalankan, pengkaji melihat bahawa penguasaan kemahiran memegang pensel dengan cara yang betul dapat membantu kelima-lima sampel kajian menulis dengan cantik dan kemas. Dimana ia dapat dilihat melalui peningkatan keupayaan kemahiran menulis kelima-lima sampel kajian melalui pengumpulan hasil kerja yang telah mereka lakukan sebelum proses intervensi dilakukan pada gambarajah 1 hingga 5 di apendiks; selepas proses intervensi kitaran pertama dijalankan pada gambarajah 6 hingga 10 di apendiks dan selepas proses intervensi kitaran kedua dijalankan seperti yang ditunjukkan pada gambarajah 11 dan 12 di apendiks. Hasil dapatan ini juga dapat disokong oleh kajian lepas yang dilakukan oleh Levine (1987) didalam Dayang Nurmala (2010) yang menyatakan bahawa cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Christy Serini Anak Awang (2012) juga menyatakan bahawa dengan genggaman pensel yang betul dapat menghasilkan kekemasan tulisan. Tambahan pula didalam kajian yang dilakukan oleh Shamsiah bt Md Nasir (2017), menyatakan bahawa guru-

guru perlu mengambil inisiatif untuk membiasakan murid-murid menggenggam pensel dengan cara yang betul bagi mengelakkan murid rasa kepenatan, kesakitan pada jari dan akhirnya menimbulkan rasa bosan untuk menulis. Jika seseorang murid itu mengambil masa yang lama untuk menulis, ini sudah tentu akan menyebabkan murid tersebut rasa penat, bosan dan seterusnya menghilangkan minat mereka untuk belajar.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas mendapati bahawa kemahiran menulis melibatkan interaksi dan bimbingan antara orang dewasa dan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan pensel dan pensel warna besar berbentuk segi tiga; pelbagai aktiviti seperti menggunting, melipat kertas, kolaj dan pelbagai jenis lembaran kerja untuk membantu sampel kajian bagi meningkatkan keupayaan kemahiran menulis mereka. Pengkaji memulakan intervensi menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga dengan langkah demi langkah. Pada mulanya pengkaji membantu kelima-lima sampel kajian dengan mengajar mereka cara memegang pensel yang betul. Kemudian didalam minggu pertama, pengkaji memberikan kanak-kanak lembaran kerja yang mempunyai garis putus-putus membentuk huruf S dan menulisnya didalam kotak kosong yang telah disediakan dengan menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga. Selain itu pengkaji juga memberi latihan menulis huruf S menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga didalam buku garis tiga kepada kelima-lima sampel kajian dan membuat pemerhatian terhadap perkembangan penulisan mereka. Setelah pengkaji mendapati sampel kajian masih belum mampu menguasai kemahiran menulis dengan baik menggunakan buku garis tiga, pengkaji meneruskan program intervensi dengan menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga bersama lembaran kerja yang mempunyai garis putus-putus pada minggu pertama. Pada minggu kedua pula, pengkaji memberikan kelima-lima sampel kajian latihan menulis menggunakan buku garis tiga bersama pensel besar berbentuk segi tiga.

Pada minggu ketiga, pengkaji memberikan kelima-lima sampel kajian lembaran kerja yang mempunyai garis putus-putus dan latihan penulisan menggunakan buku garis tiga bersama pensel sebenar untuk melihat dan membuat pemerhatian terhadap hasil kajian tindakan yang telah dijalankan. Setelah latihan penulisan menggunakan buku garis tiga bersama pensel sebenar dilakukan pengkaji mendapati 3 orang sampel kajian iaitu sampel 2, 3 dan 4 dapat meningkatkan kemahiran menulis mereka dan dapat menggenggam pensel sebenar dengan

betul. Manakala bagi 2 orang Sampel kajian iaitu sampel 1 dan 5 perlu meneruskan ke kitaran ke 2 seperti yang diunjurkan didalam model kitaran kajian tindakan Kemmis Mc Taggart (2000) kerana mereka masih belum boleh menulis dengan kemas dan cantik. Didalam kitaran kedua pengkaji memberikan kedua-dua sampel kajian pelbagai aktiviti seperti menggunakan pensel warna besar berbentuk segi tiga beserta pelbagai lembaran kerja, menggunting, melipat kertas dan kolaj (manampal kertas warna) bagi meningkatkan lagi kemahiran motor halus mereka.

Dengan ini jelaslah bahawa penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga dapat meningkatkan kemahiran penulisan kanak-kanak. Untuk menhasilkan pencapaian yang lebih baik penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga boleh digabungkan dengan peralatan lain seperti buku tulis bergaris tiga dan lembaran kerja mempunyai garis putus-putus. Selain itu, kepelbagai aktiviti motor halus juga menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan kemahiran menulis sampel kajian seperti aktiviti menggunting, melipat kertas dan membuat kolaj. Hasil dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nor Az Zahraa Ahmad Tarmidi dan Kamariah Abu Bakar didalam jurnal yang bertajuk kemahiran menggunting dan kesannya terhadap kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang menguasai kemahiran menggunting ketika di prasekolah berupaya untuk menunjukkan perkembangan yang positif dalam kemahiran lain yang melibatkan manipulasi alatan serta kawalan pergerakan anggota badan. Diperkuuhkan lagi persamaan hasil dapatan kajian ini dengan kajian yang dijalankan oleh Emel et al. (2020) menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kemahiran motor halus dengan pengurusan diri. Dimana hasil dapatan dari kajian yang dijalankan ke atas kanak-kanak prasekolah yang berumur 5 hingga 6 tahun menunjukkan bahawa semakin baik kemahiran motor halus kanak-kanak semakin baik pengurusan diri mereka dalam meningkatkan kemahiran penulisan.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian pengkaji berharap dengan adanya kajian seperti ini dapat membantu pengamal pendidikan awal kanak-kanak memberi idea dan mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kemahiran menulis anak didik mereka. Selain itu pengkaji juga berharap para pengamal Pendidikan awal kanak-kanak dapat meningkatkan keupayaan kemahiran menulis kanak-kanak dan membantu mereka menulis dengan kemas dan cantik menggunakan pensel sebenar. Jika pengkaji diberi peluang untuk menstruktur semula kajian

tindakan ini, sebelum menggunakan pensel besar berbentuk segi tiga sebagai bahan intervensi, pengkaji akan memulakan kajian tentang peningkatan keupayaan kemahiran menulis dengan memberikan persediaan awal untuk peningkatan kemahiran motor halus sampel kajian terlebih dahulu. Terutama bagi sampel kajian iaitu sampel 5 yang berusia 5 tahun, kerana beliau tidak mempunyai kemahiran asas seperti perkembangan motor halus sebelum menggunakan pensel untuk menulis. Selain itu, pengkaji memerlukan jangka masa yang lebih lama untuk menjalankan proses intervensi kitaran kedua agar kedua-dua sampel kajian iaitu sampel 1 dan 5 benar-benar dapat meningkatkan penguasaan kemahiran motor halus dan koordinasi mata tangan mereka melalui pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan bersama mereka.

KESIMPULAN

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa melalui kajian tindakan yang telah dijalankan ini, menunjukkan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga boleh digunakan sebagai bahan intervensi untuk meningkatkan keupayaan kemahiran menulis kelima-lima sampel kajian. Ini kerana dengan penggunaan pensel besar berbentuk segi tiga dapat menjadikan kelima-lima sampel kajian memegang pensel sebenar dengan cara yang betul dimana secara tidak langsung ia dapat membantu kelima-lima sampel kajian menulis dengan cantik dan kemas. Kajian tindakan yang dijalankan ini berasaskan proses Model Kitaran Kajian Tindakan Kemmis Mc Taggart (2000), dimana setelah menjalankan kedua-dua kitaran iaitu kitaran 1 dan 2 barulah objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya seperti yang dilakukan terhadap sampel kajian 1 dan 5. Data yang diperolehi untuk kajian tindakan ini adalah melalui kaedah pemerhatian; pengumpulan bukti dokumentari; penggunaan rakaman video dan fotograf; dan nota atau catatan lapangan. Segala data yang diperolehi dianalisis oleh pengkaji; dicatat dan diukur pencapaian kelima-lima sampel kajian menggunakan senarai semak; dan dilakukan proses triangulasi data oleh pengkaji dan rakan sekerja agar kesahan dan kesahihan data dapat diperolehi.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah diluar bandar. *Jurnal pendidikan bahasa melayu*, 1(1): 1-12
- Anis Norma Mohammad Jaafar et al. (2022). Penggunaan Kit ‘My Fimoki’ dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 8, e001689
- Bahagian pembangunan kurikulum kementerian pendidikan Malaysia. (2016). *Pendidikan prasekolah dokumen standard kurikulum dan pentaksiran: Kurikulum standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Catharina Andreas. (2013). Literasi awal (BM) dari aspek kemahiran menulis murid prasekolah dikawasan pedalaman berdasarkan perlaksanaan kurikulum standard prasekolah kebangsaan (KSPK). Sabah, Malaysia: Universiti Malaysia Sabah.
- Christy Serini Anak Awang. (2012). Ada apa dengan tulisan. Sarawak, Malaysia: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Clay, M. M. (1991). *Becoming literate. The construction of inner control*. Aucland: Heinemann Education.
- Dayang Nurmala Binti Abang Mohd Selanie. (2010). Kesan pendekatan bimbingan secara individu dalam membantu murid tahun tiga membaiki tulisan bahasa melayu. Buku koleksi artikel penyelidikan tindakan seminar, Penyelidikan tindakan tahun 2010 Institus pendidikan guru kampus Batu Lintang (Bahasa Melayu Pendidikan Rendah), ms. 126-139.
- Dyson, A. H. & Freedman, (1991). Oral language: the rooting systemfor learning to write. *Language Arts* 58(7): 776-784
- Emel, S. & Deniz, D.A. 2020. The effect of preschool children’s motor skills on self-care skills. *Early Child Development and Care* 190(6): 963 – 970.
- Ferreiro, E. & Teberosky, A. (1982). *Literacy before schooling*. New Hampshire: Heinemann Education Book.
- Kamaruddin, N. I., Mohammad Jaafar, A. N., & Omar, R. (2022). Use of Teaching Aids "LPS" in Improving Writing Skills of 5 Years Old Children. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 172-185.

*Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis
Menggunakan Pensel Besar Berbentuk Segi Tiga
Noraina Maliha Ismail, Andi Nur Nabilah Syafiqah Bacho,
Annur Khalisah Mohamed Raffee*

<https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.16.2022>

Kemmis, S. and McTaggart, R. (eds) (1988) *The Action Research Planner*. (Third Edition) Wauru Ponds: Deakin University Press.

Mahzan, A. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak. Teori dan Amali*. Tanjung Malim, Malaysia: Universiti pendidikan Sultan Idris.

McCarrier, A., Pinnell, G. S. & Fountas, I. C. (2000). *Interactive writing*. Portsmouth: Heinemann.

Mack, F. L. (2012). *A voyage in emergent writing: Case study of writing instructional practices of two kindergarten teachers*. Tesis Ph.D, Education, Capella University

McMurtry, S., Drysdale, J. & Jordan, G. (2009). Motor processing difficulties: Guidance for teachers mainstream classroom. *Support for learning*, 24 (3): 119-125

Nourlieda binti Abdullah. (2012). Cantik dan kemas. Sarawak, Malaysia: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Nor Az Zahra Ahmad Tarmidi dan Kamariah Abu Bakar. (2022). kemahiran menggunting dan kesannya terhadap kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, Vol.11 (1), 2022 (13-21) (ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X)

Olness, R. (2005). Using literature to enhance writing instruction In. *Using literatur enhance content area instruction: A guide for K-5 teacher*, 1-205. Newark, DE: International reading association.

Rosenblum, S., Goldstand, S. & Parush, S. (2006). Relationships among biomechanical ergonomic factors, handwriting product quality, handwriting efficiency and computerized handwriting process measures the children with and without handwriting difficulties. *American Journal of occupational therapy*. 60(1): 28-39

Schneck, C. M. (1991). Comparison of pencil-grip patterns in graders with good and poor writing skills. *The American Journal of occupational therapy. Official publication of the American occupational therapy association*, 45(8): 701-706

Schneck, C. M. & Henderson, A. (1990). Descriptive analysis of the developmental progression of grip position for pencil and crayon control in nondysfunctional children. *The American Journal of occupational therapy. Official publication of the American occupational therapy association*, 44(10): 893-900

Shamsiah bt Md Nasir (2017). Kesan Jenis Genggaman Pensil Murid Bermasalah Pembelajaran Terhadap Kemahiran Menulis. Proceedings of the International Conference on Special Education Vol.2 (2017) / e-ISSN 2948-4731 (584-590) SEAMEO Regional Centre for Special Educational Needs

Siti Iwaana Sharizah Abu Samah, Rohaty Mohd Majzub & Zamri Mahamod. (2014). Perlaksaan pengajaran penulisan dalam kalangan guru-guru prasekolah. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge: Harvard University Press.

Watkins, M. & Noble, G. (2011). Losing touch: Pedagogies of incorporation and the ability to write. *Social semiotics*, 21 (4): 503-516